

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN TAN KOK WAI  
(CHERAS)**

**TARIKH : 3 NOVEMBER 2016 (KHAMIS)**

**NO. SOALAN : 31**

Tuan Tan Kok Wai (Cheras) minta PERDANA MENTERI menyatakan jika Kerajaan menyokong pengharaman ke atas dana politik oleh GLC, dana asing untuk parti-parti politik, dana politik oleh syarikat awam, penggunaan aset dan staf Kerajaan semasa kempen pilihan raya, adakah Kerajaan akan menyokong pengawal selia bebas kepada undang-undang baru mengenai dana politik.

**JAWAPAN: YB SENATOR DATUK PAUL LOW SENG KUAN,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tan Sri Yang di-Pertua,

Untuk makluman YB Cheras, kesemua mekanisme seperti yang terdapat di dalam soalan ini telah pun dimasukkan sebagai cadangan oleh Jawatankuasa Konsultatif Nasional Mengenai Pembiayaan Politik (JKNMPP).

Secara prinsipnya, Kerajaan bersetuju dan menyokong kepada cadangan-cadangan yang telah dikemukakan oleh JKNMPP.

Menurut cadangan oleh JKNMPP, Pejabat Pengawal Sumbangan Politik dan Perbelanjaan perlu diwujudkan. Manakala, Pengawal Sumbangan Politik dan Perbelanjaan pula hendaklah diselia oleh sebuah Lembaga yang terdiri daripada tokoh-tokoh yang berwibawa dan disegani tanpa keanggotaan ahli-ahli politik yang aktif.

Walau bagaimanapun, proses untuk memperhalusi kesemua cadangan yang diutarakan akan dilakukan oleh Kerajaan.

Sekian, terima kasih.